

UCAPAN
YANG BERHORMAT
DATIN PADUKA HAJAH HAYATI BINTI POKSDSP HJ MOHD SALLEH
PEGUAM NEGARA
PADA PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG
HARI SELASA, 16 MAC 2010

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Selamat Pagi

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Amat Arif Ketua Hakim, Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie, Yang Arif Hakim-Hakim, Presiden Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Para Peguam, Tetamu-Tetamu, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua telah membolehkan kita semua berkumpul sekali lagi, pada hari ini, sempena Pembukaan Tahun Undang-Undang 2010 untuk memperbaharui ikrar kita untuk mendukung kebebasan kehakiman dan untuk mempertahankan dan mendukung kedaulatan undang-undang bagi keamanan, kemakmuran dan kemantapan Negara Brunei Darussalam.

Saya gembira kerana diberikan penghormatan untuk berucap kepada Yang Amat Arif sebagai anak Brunei pertama yang dilantik untuk menjadi Ketua Hakim Negara Brunei Darussalam. Lantikan Yang Amat Arif ini sesungguhnya merupakan suatu peristiwa penting dalam sejarah Jabatan Kehakiman dan Negara Brunei Darussalam dan suatu langkah besar ke arah merealisasikan wawasan terpuji Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam titah Baginda semasa pembukaan Bangunan Mahkamah Besar pada tahun 1984, bahawa, dalam jangka panjang, adalah menjadi hasrat Baginda supaya semua lantikan undang-undang dan kehakiman sepatutnya diisikan oleh rakyat Negara Brunei Darussalam yang berkeelayakan dan bersesuaian.

Setelah mengatakan demikian, juga agak menggentarkan bagi saya, dengan berdiri di sini, dalam ertikata, setelah diberi penghormatan duduk di sebelah pemegang jawatan Yang Amat Arif yang terdahulu dan hakim-hakim lelaki di kerusi hakim itu bertahun-tahun lamanya, tanpa mengeluarkan sepatah kata, saya sekarang ini ditugaskan untuk berucap. Juga izinkanlah saya mengatakan bahawa walaupun pandangan dari bawah ini boleh tahan juga, saya sememangnya berharap, apabila tiba waktunya, akan ada seorang 'hakim perempuan' untuk menggantikan saya bagi menemani Yang Amat Arif dan hakim-hakim lelaki lain di kerusi hakim itu.

Juga izinkan saya menyelitkan ucapan peribadi. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Arif kerana memberi pandangan dan panduan semasa perbincangan 'penyerahan tugas' dan kepada semua pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara kerana sokongan mereka yang mengagumkan, yang telah membantu menjadikan 7 bulan 12 hari beberapa jam dan minit lebih mudah, sejak saya memegang jawatan dengan tanggungjawab-tanggungjawab baru dan lebih besar.

Yang Amat Arif, izinkan saya sekarang ini beralih kepada bahagian ucapan saya yang lebih formal.

Tahun 2009 adalah tahun yang sangat sibuk dan tahun yang tidak dapat dilupakan bagi Pejabat Peguam Negara. Kita memperingati Jubli Emas, Ulang Tahun yang ke-50 penubuhan Pejabat Peguam Negara dengan banyak aktiviti (yang telah dimulakan oleh Yang Amat Arif atas sifat Yang Amat Arif sebagai Peguam Negara pada masa itu), yang bermula dengan Majlis Doa Kesyukuran (diselajurkan dengan sembahyang fardu Maghrib dan Isyak) pada 28 September 2009 di Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, diikuti dengan pembukaan / pelancaran video korporat dan pameran yang diserikan dengan kehadiran Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta Wakkilah Hayatul Bolkiah. Aktiviti-Aktiviti lain termasuklah Jamuan Makan Malam Sempena Ulang Tahun yang ke-50, hari keluarga yang diselajurkan dengan kempen kebersihan dan pertandingan-pertandingan sukan. Semua aktiviti tersebut diharapkan akan memperkukuh tali persahabatan dan kerja berkumpulan

di antara pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara. Kita juga telah berjaya menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan mengenai Triti mengenai Bantuan Bersama Undang-Undang dalam Perkara Jenayah ke-4 mulai dari 3hb hingga 4hb November, 2009 dan Mesyuarat Majlis Tadbir Persatuan Undang-Undang ASEAN (ALA) mulai dari 9hb hingga 12hb April, 2009. Saya dengan tulus ikhlas ingin merakamkan penghargaan saya kepada semua Ahli Jawatankuasa Penganjur, pegawai-pegawai dan kakitangan sokongan Pejabat Peguam Negara kerana kerja keras mereka bagi menjayakan semua aktiviti dan mesyuarat tersebut.

Yang Amat Arif,

50 tahun adalah masa yang lama. Inilah waktunya membolehkan kita merenung masa lalu, memberikan tumpuan pada masa ini dan merancang masa hadapan. Berapa banyak keadaan telah berubah dari sebilangan kecil daripada kita yang bekerja di koridor yang sempit di Bangunan Setiausaha Kerajaan yang lama kira-kira 30 tahun yang lalu.

Saya mengambil peluang ini untuk menghargai sumbangan semua pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara, dahulu dan sekarang, khususnya kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang telah lama berkhidmat yang masih lagi bersama kita pada hari ini kerana kesetiaan dan komitmen mereka. Ini ditujukan khas kepada semua kakitangan sokongan, iaitu penterjemah-penterjemah, pustakawan, arkib, penyemak, pentadbiran, yang tanpa mereka, kita tidak akan dapat berfungsi dengan berkesan.

Dengan semangat Ulang Tahun yang ke-50, izinkan saya mengambil sedikit masa untuk menyatakan sekali lagi peranan penting Pejabat Peguam Negara, terutamanya, sebagai Penasihat Undang-Undang kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sebagai Pendakwa Raya di bawah Perlembagaan. Peranan ini masih sama seperti dahulu tetapi kerumitan dan jumlahnya telah bertambah dengan banyaknya. Sehingga 8 Mac 2010 pada teorinya Pejabat Peguam Negara mempunyai kira-kira 31 orang pegawai dalam Bahagian Sivil, 29 orang pegawai dalam Bahagian Keadilan Jenayah, 14 orang pegawai

dalam Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, 10 orang pegawai dalam Bahagian Penggubalan Undang-Undang dan 6 orang pegawai dalam Bahagian Pejabat Pendaftaran. Walau bagaimanapun, sebenarnya kita kekurangan pegawai kerana ada pegawai-pegawai juga mengambil kursus separuh masa di UNISSA, beberapa orang pegawai dipinjamkan ke pelbagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan, beberapa orang pegawai melanjutkan pengajian dan mengambil Bar di UK dan Australia, dan menghadiri kursus dan mesyuarat di luar negeri. Kita juga tidak terlepas dari menghadapi perletakan jawatan dan pertukaran, atas sebab-sebab peribadi dan berpindah ke tempat lain yang lebih menguntungkan, meskipun bilangannya masih agak kecil.

Pejabat ini berharap untuk terus mengambil lebih banyak lagi pegawai yang mempunyai kelayakan undang-undang, dan dengan yang demikian turut sama menaruh kebimbangan dengan Yang Amat Arif tentang berkurangnya siswazah undang-undang. Barangkali, kita dapat bekerja bersama dengan Persatuan Undang-Undang dan Kementerian Pendidikan dalam usaha untuk menggalakkan lebih ramai pelajar mengambil jurusan undang-undang dan berkhidmat dalam profesion yang mulia ini. Kita juga tidak sabar-sabar menunggu kumpulan pertama siswazah undang-undang daripada UNISSA untuk berkhidmat di Pejabat ini pada masa hadapan.

BAHAGIAN SIVIL

Bahagian Sivil terus memainkan peranan penting atas sifat Pejabat ini sebagai penasihat undang-undang kepada Kerajaan mengenai semua bidang perkara. Pada masa ini, pegawai-pegawai Bahagian ini juga perlu menangani tugas mendapatkan balik hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan. Walaupun, Pejabat ini gembira kerana berupaya mendapatkan balik hutang-piutang lebih dari 4 juta Ringgit Brunei pada tahun 2009, usaha mendapatkan balik hutang-piutang ini telah memakan banyak masa pegawai-pegawai yang boleh digunakan dalam urusan teras seperti perkara memberi nasihat, meneliti dan menggubal kontrak-kontrak dan dalam taklimat kesedaran undang-undang kepada Jabatan-Jabatan Kerajaan dan orang ramai. Saya bersama dengan Ketua Bahagian Sivil sedang meneliti tentang kemungkinan dan kebolehlaksanaan kes-kes men-

dapatkan balik hutang-piutang ini melalui sumber lain tertakluk kepada kebenaran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Walau bagaimanapun, saya perlu menekankan, adalah mustahak bagi agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan untuk berusaha dengan sedaya upaya dalam memungut jumlah wang yang kena dibayar dan tidak membiarkannya terkumpul.

BAHAGIAN KEADILAN JENAYAH

Beban kerja pendakwa-pendakwa Pejabat ini terus bertambah. Pada tahun 2009, 1932 kertas penyiasatan telah diterima. Pejabat ini menyokong penuh seruan Yang Amat Arif supaya kes-kes ditangani dengan cepat. Malah, saya telah bekerja rapat dengan Bahagian ini mengenai isu ini. Satu sistem menetapkan pegawai-pegawai khusus untuk menangani kesalahan-kesalahan tertentu dan mengesan kertas-kertas penyiasatan dengan lebih baik lagi dan meneliti proses-proses kerja, dan mengaudit secara tetap antara lainnya, telah dilaksanakan. Dua orang Timbalan Pendakwa Raya telah dipinjamkan ke Biro Mencegah Rasuah dan seorang Timbalan Pendakwa Raya ke Pasukan Polis Diraja Brunei.

Pejabat ini dengan yang demikian menyokong seruan Yang Amat Arif supaya lebih banyak pegawai kehakiman dilantik terutamanya di Mahkamah-Mahkamah Rendah. Amalan yang dijalankan di Pejabat ini adalah supaya semua pegawai muda yang baru terlebih dahulu ditugaskan di Bahagian ini dengan tujuan supaya mereka terlibat dalam Litigasi yang, saya rasa, penting dan berguna bagi perkembangan mereka, untuk membina keyakinan dan kemahiran kepeguaman mereka. Mereka juga akan diberikan latihan berterusan. Bahagian ini akan terus bekerja rapat dengan agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis, Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, Kastam dan Eksais Diraja dan Imigresen bagi meningkatkan kecekapan dan tahap penyiasatan. Seperti Yang Amat Arif ketahui, apa jua pun pendapat yang berhak dipunyai oleh seseorang itu, akhirnya, adalah menjadi tugas pihak pendakwa untuk mengemukakan keterangan dalam mahkamah dan bagi mahkamah-mahkamah untuk memutuskan berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan.

Pejabat Peguam Negara juga membantu agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dalam usaha serantau dan rentas negara bagi memerangi jenayah rentas negara khususnya melalui bantuan bersama undang-undang dan ekstradisi. Pejabat Peguam Negara adalah pihak berkuasa pusat bagi Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan bantuan bersama dalam perkara-perkara jenayah. Pejabat ini pada masa ini sedang memuktamadkan draf undang-undang baru yang menyeluruh terhadap pengganasan bagi memenuhi obligasi antarabangsa kita dalam memerangi ancaman global.

Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pindaan) mula berjalan kuatkuasanya pada 1 Mac 2010. Penguatkuasaan undang-undang ini bermakna satu lagi peristiwa penting di Negara Brunei Darussalam, sistem Keadilan Jenayah. Perintah itu membuat peruntukan bagi penubuhan sebuah mahkamah juvenil dengan prinsip yang diterima di seluruh dunia supaya pesalah-pesalah muda (18 tahun ke bawah) sepatutnya dilayan secara berbeza daripada pesalah-pesalah dewasa. Semangat Perintah itu, adalah untuk melepaskan pesalah-pesalah muda dari kesalahan jenayah dan memindahkan mereka daripada institusi-institusi hukuman dan untuk meningkatkan campurtangan mahkamah-mahkamah Juvenil dalam mengintegrasikan semula pesalah-pesalah muda ke dalam masyarakat. Mengenai prinsip ini, Pejabat Peguam Negara akan menyelenggarakan, dengan pendekatan yang sentiasa diambil, dasar 'pendakwaan diakhirkan' bagi kepentingan awam untuk memulihkan mereka menjadi orang dewasa yang patuh kepada undang-undang.

BAHAGIAN HAL EHWAL ANTARABANGSA

Membina kepakaran undang-undang antarabangsa adalah dan akan terus menjadi matlamat jangka panjang Pejabat Peguam Negara. Memandangkan Negara Brunei Darussalam telah menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-26, komitmen antarabangsa Negara Brunei Darussalam sejak itu telah bertambah dengan banyaknya. Saya gembira mengatakan bahawa Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa telah banyak menyumbang dalam penyelarasan dan perundingan dan kita sangat berterima kasih kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan and Kementerian-Kementerian

lain dan Jabatan-Jabatan Kerajaan kerana memberikan kepercayaan dan peluang kepada pegawai-pegawai Pejabat ini untuk belajar dari pendedahan dalam pelbagai forum antarabangsa. Pejabat ini berharap untuk meneruskan kerjasama dan bagi meningkatkan kemahiran dan pengalaman kumpulan pakar yang sedia ada dalam pelbagai bidang, yang telah dihasilkan dengan bangganya oleh Pejabat Peguam Negara.

PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG DAN PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG

Kadar dan kuantiti undang-undang telah bertambah dengan nyata sekali. Seperti Yang Amat Arif ketahui, penggubalan undang-undang bukanlah tugas yang mudah. Ia memerlukan kesabaran dan kerja memberus yang begitu teliti, jika saya boleh gunakan ungkapan itu. Kita bimbang 'undang-undang yang baik' yang mungkin menjadi 'undang-undang yang cepat'. Kita tidak membuat dasar, tetapi menerima arahan mengenai perkara-perkara dasar daripada Jabatan-Jabatan/Kementerian-Kementerian yang berkaitan. Di bawah daya usaha Yang Amat Arif, garis panduan mengenai prosedur penggubalan undang-undang telah dikeluarkan. Kita berharap untuk memperbaikinya lagi dengan mengeluarkan apabila tiba waktunya 'manual yang lebih mudah' untuk kegunaan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan serta pegawai-pegawai Pejabat Peguam Negara.

Saya telah diingatkan dengan budi bahasa yang halus bahawa ucapan yang panjang boleh menjadikan perasaan para hadirin menjadi kaku. Oleh itu saya tidak akan menyebut undang-undang yang telah diluluskan atau diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejak tahun undang-undang yang lalu dan menjemput mereka yang berminat untuk merujuk kepada laman web Pejabat Peguam Negara www.agc.gov.bn di mana undang-undang tersebut akan disiarkan dengan tarikh-tarikh permulaan kuatkuasa yang berkaitan atau menghubungi Bahagian Penggubalan Undang-Undang untuk maklumat lanjut. Yang menarik perhatian khusus kepada profesion undang-undang adalah Perintah Timbangtara, 2009 dan Perintah Timbangtara Antarabangsa, 2009.

PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG

Empat lagi Perintah yang diperbuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam telah disemak sejak Pembukaan Tahun Undang-Undang yang diadakan pada tahun lepas dan sekarang ini disebut sebagai 'Akta'. Akta-Akta itu juga akan disiarkan dalam laman web yang sama.

Yang Amat Arif,

Pada kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang untuk memberikan penghormatan khas kepada Awang John Brian Wilkinson, yang akan menamatkan perkhidmatannya dengan Pejabat Peguam Negara pada 10 Julai 2010. Awang Brian, sebagai Penggubal Undang-Undang telah memberikan sumbangan besar kepada Bahagian Penggubalan Undang-Undang, dan penggubalan banyak undang-undang, sejak, beliau mula berkhidmat dengan Pejabat Peguam Negara pada 24 Mei 1989. Beliau juga telah membimbing dan melatih pegawai-pegawai di bawah jagaannya, yang kini telah membuahkan hasil bahawa telah ada pegawai-pegawai yang berkebolehan dan komited dalam Bahagian ini. Bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara, terutamanya, mereka yang di dalam Bahagian Penggubalan Undang-Undang, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Awang Brian atas sumbangan besar beliau, dan mendoakan agar beliau sentiasa sihat walafiat dan semoga maju jaya dalam usaha beliau pada masa hadapan.

PEJABAT PENDAFTARAN

Peguam Negara adalah juga Pendaftar Syarikat, Pendaftar Nama Perniagaan, Pendaftar Tanda Perniagaan dan Rekabentuk Perindustrian. Sebab mengapa tugas-tugas ini dipertanggungjawabkan kepada Peguam Negara, saya mengagak, adalah sejarah. Bagi menjelaskannya, Pejabat Pendaftaran, seperti yang dibayangkan pada namanya, hanya berhubungkait dengan pendaftaran dan bukannya pelesenan.

Pejabat Pendaftaran Syarikat menerima sejumlah 355 buah syarikat yang diperbadankan pada tahun 2009 dan 6556 dokumen yang difailkan. Bagi nama-nama perniagaan 4009 telah didaftarkan pada tahun 2009 dengan 3156 dokumen difailkan di bawah Akta Nama Perniagaan. Adalah diharapkan, pertambahan bilangan perniagaan yang didaftarkan dan difailkan adalah petanda positif tentang perkembangan ekonomi. Pejabat Pendaftaran juga terlibat dalam memberikan taklimat kepada pegawai-pegawai Kerajaan, pelajar-pelajar pendidikan tinggi serta orang ramai. E-Registry telah meningkatkan kecekapan perkhidmatan kita tetapi Pejabat ini berharap untuk dapat berbuat dengan lebih baik lagi.

Pejabat Pendaftaran Tanda Perniagaan menerima 649 permohonan pada tahun 2009 sementara Pejabat Pendaftaran Rekabentuk Perindustrian menerima 31 permohonan. Di samping menangani permohonan-permohonan baru dalam tanda perniagaan, Pejabat Pendaftaran juga menerima 3636 perkara yang berkaitan dengan tanda perniagaan. Pegawai-pegawai daripada Pejabat Pendaftaran Tanda Perniagaan dan Rekabentuk Perindustrian juga telah menganjurkan jerayawara, syarahan dan taklimat kepada Perusahaan-Perusahaan Kecil dan Sederhana tempatan. Perekacipta, pegawai-pegawai Kerajaan, pelajar-pelajar institut pengajian tinggi dan bekerjasama dengan pemegang-pemegang hak dalam menguatkuasakan hak harta intelektual mereka. Pegawai-pegawai juga telah menghadiri mesyuarat, bengkel dan seminar serantau dan antarabangsa dalam usaha untuk meningkatkan kepakaran dan pengetahuan mereka serta rangkaian. Pejabat ini berharap untuk memperkenalkan suatu sistem fail secara online bagi tanda perniagaan pada awal tahun depan dan pada masa ini sedang membuat perbincangan dengan WIPO dan USPTO untuk membantu kita berhubung dengan Aturan-Aturan Paten kita dan perkara-perkara yang berkaitan.

Awang Barrack Obama, Presiden Amerika Syarikat, berkata 'Inovasi dan kreativiti adalah pemacu perkembangan ekonomi, menghasilkan kerja dan taraf kehidupan yang lebih baik'. Perlindungan dan penguatkuasaan yang kuat ke atas hak harta intelektual adalah komponen yang kritikal bagi pertumbuhan dan perkembangan ekonomi. Pencurian harta intelektual membunuh inovasi dan kreativiti.

Saya segera mengajukan soalan, jika tiba masanya bagi Negara Brunei Darussalam untuk menubuhkan sebuah agensi kerajaan yang utama atau institusi lain yang bersesuaian, untuk merumuskan dasar-dasar yang sama dengan obligasi nasional dan antarabangsa kita yang ditugaskan dengan peranan untuk memberi nasihat dan melaksanakan undang-undang, untuk menggalakkan kesedaran harta intelektual dan infrastruktur bagi memudahkan perkembangan harta intelektual di Negara Brunei Darussalam dan bertindak sebagai pengawalselia harta intelektual dan penasihat dasar. Di Singapura, IPOS (Intellectual Property Office of Singapore) yakni Pejabat Harta Intelektual Singapura adalah sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Undang-Undang. Sementara di Perbadanan Harta Intelektual Malaysia, ringkasnya, MYIPO, sekarang ini diperbadankan, dari awal kewujudannya di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Di Korea, Pejabat Eksekutif Strategi Harta Intelektual adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini hanyalah beberapa model yang boleh kita pertimbangkan.

Pejabat Peguam Negara sentiasa bersedia membantu, jika diperlukan, dengan bantuan institusi-institusi seperti WIPO dan USPTO, yang dengannya Pejabat Peguam Negara mempunyai hubungan baik.

Yang Amat Arif

APAKAH YANG AKAN BERLAKU PADA MASA DEPAN?

Kita tidak mengetahui apakah yang akan berlaku pada masa depan tetapi kita tetap optimistik dan komited untuk berusaha dengan lebih baik lagi. Setakat yang berkenaan dengan perkakasan, yang salah satunya adalah sistem IT yang boleh kita gunakan untuk meningkatkan kecekapan proses kerja dan penyampaian kita, kita berharap untuk meningkatkan apa yang telah dimulakan dengan jayanya oleh Yang Amat Arif. Bagi tujuan ini, satu Jawatankuasa Pandu IT, yang diketuai oleh Peguamcara Negara, Datin Paduka Magdalene Chong, telah ditubuhkan. Kita juga berharap untuk melancarkan Perancangan Strategik Pejabat ini pada penghujung tahun ini dan Jawatankuasa itu diketuai oleh Penolong Peguamcara Negara, Pg Hj Zabaidah. Mereka

akan bekerja dengan perundingan rapat dengan saya sendiri. Saya berharap akan dapat menerima cadangan-cadangan mereka. Kita berharap pihak berkuasa yang berkenaan akan memberikan pertimbangan yang menggalakkan. Sementara itu, kita akan terus menjalankan Audit suku tahun secara manual tentang proses kerja dan penyampaian dalam setiap Bahagian untuk mengurangkan kelambatan dan menggalakkan sikap kerja yang proaktif. Saya sangat berterima kasih kepada semua Ketua Bahagian dan semua pegawai dalam setiap Bahagian kerana keikhlasan mereka dalam mengenalpasti masalah-masalah, kesediaan mereka untuk sama-sama bekerja bagi mencari penyelesaian yang munasabah dan ikrar sebenar mereka untuk berusaha ke arah pembaikan.

Dari segi perisiannya, yang saya maksudkan, warga Pejabat ini (lelaki dan perempuan), yang kami sangat pentingkan, saya berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, kerana pemahaman dan sokongan untuk memberikan latihan dan pendedahan yang berterusan kepada pegawai-pegawai Pejabat ini. Saya menggesa pegawai-pegawai untuk menggunakan pengetahuan yang mereka perolehi bukan sahaja untuk memperbaiki diri mereka sendiri tetapi juga untuk dikongsi dengan pegawai-pegawai lain. Kita berharap untuk menubuhkan sedikit masa lagi, satu Jawatankuasa Perkembangan Sumber Tenaga Manusia dalaman, yang akan membantu untuk mengenalpasti bidang-bidang pengkhususan yang diperlukan oleh Pejabat Peguam Negara dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan tujuan untuk menawarkan pegawai-pegawai yang berpotensi dalam Pejabat Peguam Negara untuk mengambil kursus-kursus yang berkaitan di luar negeri. Kita beruntung telah dapat mengambil banyak siswazah muda yang berkecayaan yang bekerja di bawah penyeliaan pegawai-pegawai kanan. Kita melihat banyak potensi dalam diri mereka untuk mengemudi Pejabat ini ke arah masa depan yang cerah, dengan syarat, mereka terus bekerja keras dan memiliki keghairahan untuk terus belajar. Untuk mengekalkan bakat dan kualiti, satu kajian semula mengenai struktur yang berjalan pada masa ini adalah tidak dapat dielakkan dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri kerana pemahaman dan kerjasama mereka. Walau bagaimanapun, ganjaran disampingkan; adalah menjadi harapan saya supaya generasi muda ini dalam Pejabat ini

akan terus berkhidmat dengan Pejabat ini kerana mereka penuh semangat tentang undang-undang sebagai pekerjaan mereka dan sangat berbangga untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk dan negara.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, untuk menjawab pertanyaan Yang Amat Arif mengenai jambatan atas yang menghubungkan 3 buah bangunan kita, saya sukacita melaporkan bahawa suatu peruntukan telah disediakan dan kita berharap untuk memulakan proses tawaran tidak lama lagi.

PENUTUP

Akhir sekali, bagi pihak semua rakan sekerja saya dalam Pejabat Peguam Negara, saya memberi jaminan kepada Yang Amat Arif, Hakim-Hakim, Majistret-Majistret dan Pendaftar-Pendaftar, bagi sokongan dan kerjasama penuh kita dalam tugas yang mulia dan sukar Yang Amat Arif dalam melaksanakan keadilan di Negara Brunei Darussalam. Pejabat ini juga berharap untuk meneruskan kerjasama baik dengan Mahkamah-Mahkamah Syariah; Persatuan Undang-Undang, Pasukan Polis Diraja Brunei, dan semua agensi penguatkuasaan lain, dalam menjalankan tugas-tugas kita masing-masing sebagai rakan dalam jentera keadilan, dengan hati yang cecal dan jujur yang diperlukan daripada kita.

Saya mendoakan Yang Amat Arif, rakan sekerja Yang Amat Arif dan kakitangan Jabatan Kehakiman, para peguam dan semua yang hadir pada hari ini agar sentiasa dalam keadaan sihat walafiat dan semoga tahun 2010 mendatangkan kejayaan.

وبالله التوفيق والهداية ، السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih.